

PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DESA SRI JENARIS, KAJANG

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DESA SRI JENARIS, KAJANG

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Negeri**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**SURAU DESA SRI JENARIS, JALAN 3B,
43000 KAJANG
SELANGOR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**SURAU DESA SRI JENARIS, JALAN 3B,
43000 KAJANG
SELANGOR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Tujuan Pertubuhan ini ialah memberi bantuan wang kepada ahli atau tanggungan ahli bila berlaku kematian di antara mereka.

FASAL 4 KEAHLIAN

Ahli-ahli Pertubuhan ini terbuka kepada penduduk-penduduk Desa Seri jenaris, Kajang dan taman-taman yang berhampiran seperti yang dipersetujui oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khairat yang berumur tidak kurang daripada 16 tahun atau lebih daripada 60 tahun. Penduduk-penduduk di luar mukim ini tidak boleh diterima menjadi ahli. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama-nama tanggunganya, lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha. Mesyuarat Jawatankuasa berkuasa meluluskan atau menolak permohonan untuk menjadi ahli.

FASAL 5 SUMBER KEWANGAN

5. WANG PERTARUHAN/PENDAFTARAN

5.1 Tiap-tiap ahli baru hendaklah membayar wang pertaruhan/pendaftaran sebanyak RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ringgit sahaja).

5.2 Wang pertaruhan/pendaftaran gunanya semata-mata untuk membayar pendahuluan bantuan kematian dan tidak boleh digunakan untuk perkara-perkara lain.

5.3 Bila ada kematian, wang khairat boleh dibayar dari kumpulan wang pertaruhan/pendaftaran ahli-ahli. setelah itu hendaklah dikutip balik daripada tiap-tiap ahli dengan sama banyak untuk mencukupkan wang yang telah dibayar itu. Ahli-ahli yang tidak membayar wang imbuhan tersebut tidak berhak mendapat apa-apa bantuan jika wang pertaruhan/pendaftarannya telah habis.

5.4 Ahli-ahli yang wang pertaruhan/pendaftarannya telah habis akan diberikan surat peringatan oleh Setiausaha atau Bendahari dan jika mereka itu masih tidak membayar balik wang pertaruhan/pendaftaran dalam tempoh SATU BULAN dari surat peringatan dikeluarkan, mereka itu boleh dianggap sebagai telah berhenti menjadi ahli. Ahli-ahli yang berhenti menjadi ahli tidak berhak menerima bantuan kematian dan menuntut balik apa-apa wang yang telah dibayar kepada Pertubuhan ini.

FASAL 6 WANG TABUNGAN

6. YURAN

RM100.00

6.1 Tiap-tiap ahli dikenakan membayar yuran tahunan sebanyak [REDACTED] kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum akhir bulan Februari. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada SATU TAHUN, dengan sendirinya terhenti menjadi ahli. Yuran tahunan ini hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran sahaja dan akaunnya hendaklah diasingkan daripada kumpulan wang pertaruhan/pendaftaran.

6.2 Segala wang pertaruhan/pendaftaran dan lain-lain sumber pendapatan hendaklah digunakan untuk pembayaran bantuan kematian dan wang ini hendaklah

dimasukkan ke dalam Bank Simpanan Nasional atau disimpan dengan suatu bank daripada Malaysia Exchange Banks Association atas nama Pertubuhan

FASAL 7 BANTUAN KEWANGAN

Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti berikut ini:

(a) Atas kematian ahli sendiri

RM 1,000 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit sahaja)

(b) Atas kematian isteri (isteri) ahli

RM 1,000 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit sahaja)

(c) Atas kematian tanggungan ahli seperti berikut:

RM 1,000 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Ringgit sahaja)

(i) Ibu/bapa dan mertua

(ii) Anak-anak ahli yang berumur 21 tahun ke bawah,

(iii) Anak-anak ahli yang masih belajar (atas tanggungan ibu/bapa) tanpa had umur dan

(iv) Anak-anak ahli yang cacat anggota/akal - hingga akhir hayat



FASAL 8 SYARAT BANTUAN

Bantuan Kematian akan dibayar cuma atas kematian ahli dan tanggungan ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha atau Bendahari dengan syarat ada sijil kematian yang sah. Bagi kematian ibu/bapa dan ibu/bapa mertua ahli-ahli, hanya satu bantuan akan dibayar walaupun terdapat lebih dari seorang waris yang menjadi ahli, dengan syarat ada surat mati yang sah. Atas kematian tanggungan bantuan akan dibayar kepada ahli dan atas kematian ahli sendiri bantuan akan dibayar kepada warisnya.

FASAL 9 JAWATANKUASA

PENTADBIRAN

9.1 Kuasa yang tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agung. Mesyuarat Agung Tahunan ahli-ahli hendaklah melantik ahli-ahli Jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan harian Pertubuhan. Mereka ini akan memegang jawatan untuk tempoh dua (2) tahun.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini mengandungi sekurang-kurangnya:

- (1) Seorang Yang Dipertua/Pengerusi
- (2) Seorang Naib Yang Dipertua/Timbangan Pengerusi
- (3) Seorang Setiausaha
- (4) Seorang Penolong Setiausaha
- (5) Seorang Bendahari
- (6) Lapan (8) orang ahli Jawatankuasa biasa

9.2 Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap pegawai lain yang menjalankan tugas-tugas eksekutif/pentadbiran Pertubuhan ini hendaklah Warga Malaysia.

9.3 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik tiap-tiap dua (2) tahun sekali.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

TUGAS DAN TANGGUNG-JAWAB PEGAWAI-PEGAWAI

10.1 Yang Dipertua/Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi di dalam segala Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan.

10.2 Naib Yang Dipertua/Timbangan Pengerusi akan membantu Yang dipertua/Pengerusi menyelia urusan pentadbiran Pertubuhan. Dalam masa ketiadaan Yang Dipertua/Pengerusi, dia akan mempengerusikan segala mesyuarat dan juga menjalankan tugas yang Dipertua/Pengerusi.

10.3 Setiausaha akan menguruskan segala surat-menyurat bagi pihak Pertubuhan, menyimpan segala peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung. Beliau juga menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan Pertubuhan, mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas lain yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha. Buku daftar ahli-ahli hendaklah mengandungi butir-butir berikut:

Bil./Siri Nama Ahli Tarikh Menjadi Ahli

Umur/Tarikh lahir No. Kad Pengenalan Alamat

Pekerjaan Nama-nama tanggungan Nama waris

10.4 Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha dalam menjalankan kerja-kerjanya.

10.5 Bendahari akan memunggut segala yuran Pertubuhan, menyimpan buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan perkara-perkara berikut:

- (a) Penyata Kira-kira bulanan dan
- (b) Penyata Kira-kira tahunan berakhir 31 Disember. Penyata kira-kira ini hendaklah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai ditangannya melebihi RM 300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus sahaja) pada satu-satu masa dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Ia bertanggung-jawab terhadap segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua/pengerusi dan Setiausaha. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.

10.6 Ahli-ahli Jawatankuasa biasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat dan membantu pegawai-pegawai yang di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

FASAL 11 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

11.1 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin selepas berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mac tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat termasuk salinan laporan tahunan dan penyata kira-kira yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang diluluskan oleh Pendaftar bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum diadakan mesyuarat.

11.2 Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan adalah:

- (a) Mengesahkan minit-minit Mesyuarat Agung
- (b) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
- (3) Menerima Penyata kira-kira bagi tahun yang lalu,
- (4) Melantik Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk tahun berikut, dan
- (5) Menguruskan hal-hal lain (perkara) yang dibentangkan di dalam mesyuarat tersebut

11.3 Mesyuarat Agung Tahunan hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah Ahli-ahli Jawatankuasa.

FASAL 12 MESYUARAT AGUNG KHAS

12.1 Mesyuarat Agung Khas boleh dijalankan pada bila-bila masa apabila difikirkan mustahak oleh Mesyuarat Jawatankuasa atau mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang dari 1/5 (Satu Perlima) daripada jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.

12.2 Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas hendaklah diedarkan oleh

Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

12.3 Mesyuarat Agung Khas hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang dari tiga kali ganda jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.

FASAL 13 JURUAUDIT

Dua orang yang bukannya ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik di dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira akaun Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga boleh memeriksa kira-kira akaun Pertubuhan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua/Pengerusi. Sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kira-kira Pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk diaudit oleh seorang Juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 14 PERKARA AM

14.1 Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan daripada golongan yang disebutkan ini suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu sebapa, saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa, anaka kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa, atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada ahli dengan syarat seseorang ahli boleh menamakan mana-mana orang lain dengan bertulis yang ditandatangani sendiri dihadapan dan disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau seorang Majistret atau Pendaftar.

14.2 Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan Undang-undang Pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli. Orang-orang lain sama ada ahli atau tidak, boleh diberi satu salinan undang-undang berdaftar Pertubuhan ini apabila diminta dan dibayarnya wang sebanyak tidak lebih daripada seringggit.

14.3 Buku-buku pertubuhan ini dan daftar ahli-ahlinya boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.

14.4 Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada bersangkutan dengan Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli Pertubuhan.

14.5 Sesuatu perbelanjaan yang tidak lebih daripada RM 100.00 (Ringgit Malaysia: SERATUS RINGGIT sahaja) boleh dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama

dengan Yang Dipertua/Pengerusi dan Setiausaha dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya. Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 100.00 (Ringgit Malaysia: SERATUS RINGGIT sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 500.00 (Ringgit Malaysia: LIMA RATUS sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan sebelumnya dalam Mesyuarat Agung. Bagaimanapun pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam Fasal (7) di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.

14.6 Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada denagan bertulis atau menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Jika 2/3 ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dlaam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan maka ahli itu dipecat denagan serta merta. Walau pun demikian ahli itu boleh, jika tidak berpuas hati merayu kepada Mesyuarat Agung menurut cerai(4) di atas.

14.7 Seseorang pelajar universiti atau kolej universiti tidak akan diterima menjadi ahli Pertubuhan ini kecuali dia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

14.8 Ahli yang hendak berhenti menjadi ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.

14.9 Lima puluh (50) peratus daripada kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah bolehlah dilaburkan dengan sekuriti amanah, atau dengan persetujuan Pendaftar atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan, bagi memebeli tanah.

FASAL 15 PENGAMANAH

15.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi Pengamanah.

15.2 Suatu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh setiausaha hendaklah dihantarkan kepada Pendaftar.

15.3 Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh

Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau sebab-sebab lain yang menyebabkan dia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 16 TAFSIRAN

Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 17 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Segala pindaan kepada undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak, akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat ($\frac{3}{4}$) daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit. Permohonan untuk perubahan atau pindaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar pertubuhan di dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 18 PEMBUBARAN

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ daripada ahli-ahli Pertubuhan ini di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas untuknya. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan Pertubuhan ini, maka segala hutang dan tanggungan yang sah dari segi undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung untuk membubarkan Pertubuhan ini. Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

FASAL 19 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera
 -
 - Keterangan
 -

2. Lambang
 -
 - Keterangan
 -
3. Lencana
 -
 - Keterangan
 -

FASAL 20 MESYUARAT JAWATANKUASA

20.1 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya TIGA BULAN sekali dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa jika difikirkan perlu oleh Yang Dipertua/Pengerusi.

20.2 Notis dan agenda untuk Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

20.3 Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang dari setengah ($\frac{1}{2}$) jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.

FASAL 21 PEMECATAN JAWATANKUASA

Pemecatan ahli-ahli Jawatankuasa dan memilih penggantinya boleh dilakukan dalam Mesyuarat Agung Khas. Mesyuarat Jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana ahli-ahli Jawatankuasa yang berhenti atau meninggal dunia.

FASAL 22 PERTUKARAN NAMA PERTUBUHAN

Tertakluk kepada Seksyen 11, Akta Pertubuhan 1966, nama Pertubuhan ini tidak boleh diubah melainkan dengan suatu ketetapan khas iatu:

(a) Diluluskan dengan lebih suara yang tidak kurang daripada tiga perempat ($\frac{3}{4}$) daripada bilangan ahli berdaftar yang berhak mengundi dan yang hadir pada suatu Mesyuarat Agung yang berkenaan dengannya notis menyatakan maksud hendak mencadangkan ketetapan itu telah sempurna diberikan; dan

(b) Disahkan dengan lebih suara ahli-ahli yang berhak mengundi dan yang hadir pada suatu Mesyuarat Agung yang berkenaan dengannya notis telah sempurna diberi, yang diadakan tidak kurang daripada 14 hari dan tidak lebih daripada sebulan daripada hari mesyuarat di mana ketetapan itu mula-mula telah diluluskan.